

R 0517 'REPEAT AAB  
MAHATHIR - INFLASI RRR

MELAKA, 2 2 JULAI (BERNAMA) PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, RAKYAT NEGARA INI TIDAK SEHARUSNYA MENGANGGAP YANG KEADAAN EKONOMI NEGARA AKAN TURUT PULIH DENGAN SENDIRINYA BERIKUTAN PEMULIHAN EKONOMI DUNIA.

KATANYA, PEMULIHAN EKONOMI DUNIA TIDAK SEMESTINYA MEMBAWA KEPADA PEMULIHAN EKONOMI SESEBUAH NEGARA OLEH SEBAB IA BANYAK BERGANTUNG KEPADA LANGKAH PENCEGAHAN YANG DIAMBIL OLEH NEGARA BERKENAAN.

BERUCAP SEBELUM BERDIALOG DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI MELAKA DAN KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN DI +SERI BENDAHARA+ DI SINI PERDANA MENTERI BERKATA, PEMULIHAN EKONOMI NEGARA INI ADALAH DISEBABKAN OLEH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG DIAMBIL UNTUK MEMBENDUNG TENDENSI KE ARAH INFLASI DAN OLEH SEBAB ITU KADAR INFLASI NEGARA INI HANYA PADA PARAS TIGA PERATUS SAHAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR LALU MENEGASKAN BETAPA PENTINGNYA KERJASAMA ANTARA GOLONGAN POLITIK, PIHAK SWASTA, KESATUAN SEKERJA DAN PIHAK PEKERJA KERANA UNTUK MENENTUKAN EKONOMI NEGARA TUMBUH PESAT KERJASAMA SEDEMIKAN AMAT DIPERLUKAN.

+JIKA SEMUA PIHAK DAPAT MENYUSUN LANGKAH YANG SAMA, NIKMATNYA AKAN DAPAT DIRASAI OLEH SEMUA GOLONGAN DAN PADA KETIKA ITU KITA TIDAK PAYAH MENUNTUT SESUATU KERANA KITA MEMPUNYAI PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI DAN MEMBERI SEGALA KEMUDAHAN YANG KITA MAMPU,+ KATANYA. -- LAGI.

2008MST 22 07 89

UB520 AAB

MAHATHIR - INFLASI 2 MELAKA

KATANYA, RAKYAT NEGARA INI HARUS BERSYUKUR KERANA KEMELESETAN EKONOMI DAPAT DIATASI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEADAAN DI NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA SEPERTI DI AMERIKA LATIN.

+KALAU KITA MEMBACA MAJALAH ASING KITA AKAN MENDAPATI KADAR INFLASI DI SESETENGAH NEGARA AMERIKA LATIN MENCAPAI ANGKA YANG KITA TIDAK PERNAH FIKIRKAN. KADAR INFLASI DI BRAZIL PADA TAHUN INI IALAH SEBANYAK 21500 PERATUS, PERU MENINGKAT KEPADA 4,000 PERATUS DAN NICARAGUA 251000 PERATUS,+ KATANYA.

OLEH ITU, RAKYAT HARUS BERSYUKUR BAHAWA KEMELESETAN EKONOMI DI NEGARA INI DAPAT DIATASI WALAUPUN SESETENGAH RAKYAT MENGATAKAN BAHAWA EKONOMI DUNIA AKAN PULIH DAN SUDAH SEMESTINYA PULA KEADAAN EKONOMI NEGARA INI TURUT PULIH SAMA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TERPAKSA MENGURANGKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) DARIPADA \$701000 JUTA KEPADA \$471000 JUTA AKIBAT KEMELESETAN YANG BERLAKU PADA TAHUN 1985 DAN 1986.

MENURUTNYA, KADAR INFLASI DI NEGARA INI AKAN NAIK LEBIH TINGGI LAGI SEKIRANYA RAKYAT BERBELANJA KETERLALUAN DAN OLEH ITU RAKYAT PERLU BERBELANJA MENGIKUT KEMAMPUAN DAN JANGAN BERBELANJA JIKA TIDAK MAMPU. - - LAGI.

1740MST 22 07 89

U B521 AAB  
MAHATHIR - INFLASI 3 MELAKA

+KITA TIDAK BOLEH MENUNTUT BERLEBIHAN KERANA SEKIRANYA INI BERLAKU KERAJAAN TERPAKSA MENAIKKAN CUKAI DAN SECARA TIDAK LANCSUNG HARGA BARANGAN AKAN NAIK LAGI DAN WANG YANG RAKYAT TERIMA TIDAK AKAN MENCUKUPI,+ KATANYA.

BELIAU MENYIFATKAN KEADAAN ITU SEBAGAI +INFLASI YANG BERPUSAR.+ OLEH ITU RAKYAT PERLU BERJAGA-JAGA DALAM MEMBENDUNG INFLASI SEMASA NEGARA MENGALAMI KEMELESETAN EKONOMI KERANA +LAGI BANYAK YANG KITA TUNTUT, LAGI BANYAK HARGA YANG AKAN NAIK.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK BOLEH MENJADI SEPERTI +DAVID COPPERFIELD YANG DENGAN BEGITU MENDAPATKAN WANG DENGAN HANYA MENADAH TANGAN+ KERANA UNTUK MEMPEROLEHI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN, KERAJAAN TERPAKSA MENDAPATKANNYA MELALUI CUKAI.

KATANYA, HASIL NEGARA BOLEH MENINGKAT JIKA KEGIATAN EKONOMI TERMASUK SEKTOR PELANCONGAN BERJALAN LANCAR DAN KERAJAAN MAHU BERUSAHA UNTUK MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA BAGI MENENTUKAN PERTUMBUHAN YANG PESAT DENGAN KEMASUKAN INDUSTRI YANG BOLEH MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN.

+JIKA EKONOMI NEGARA BERTAMBAH PESAT, KERAJAAN DAPAT MEMUNGUT CUKAI YANG LEBIH DAN SUDAH TENTU DAPAT MEMBAYAR BUKAN SAHAJA GAJI PEKERJA TETAPI JUGA MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA TERMASUK MEMBERI SUBSIDI KEPADA ORANG MISKIN,+ KATANYA. -- LAGI.

1744MST 22 07 89

D011 .

U 8523 AAB  
MAHATHIR - INFLASI 4 MELAKA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ITULAH SEBABNYA KERAJAN MENUMPUKAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI DENGAN MENGGALAKKAN PELABURAN ASING TERMASUK MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN KERANA APABILA KEGIATANNYA BERJALAN LANCAR, NEGARA MENDAPAT KEUNTUNGAN.

BELIAU BERSYUKUR, TIDAK TERDAPAT BANYAK KERENAH PENTADBIRAN DI MALAYSIA BERBANDING DENGAN DI SESETENGAH NEGARA LAIN, KERANA IA BOLEH MENYEKAT PERTUMBUHAN EKONOMI SESEBUAH NEGARA. -- BERNAMA.

1747MST 22 07 89